

**UCAPAN BAJET TAHUN 2018**  
**OLEH**  
**YBHG. DATO' Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

**PADA 28 SEPTEMBER 2017**

**“SEBERANG PERAI RESILIENT, INKLUSIF,  
HIJAU DAN KOMPETITIF”**

**“*SEBERANG PERAI RESILIENT, INCLUSIVE,  
GREEN AND COMPETITIVE*”**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran,  
Ketua-Ketua Jabatan, Rakan-Rakan Media,  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai En. Mohd. Tahir  
bin Othman, Setiausaha dan Bendahari ANULAE,  
Pengerusi PUSPANITA MPSP Datin Hjh Che Limah

binti Hj Ujang, Setiausaha dan Bendahari PUSPANITA, Naib Yang Dipertua PESUKA En. Mat Nasir bin Hassan, Setiausaha dan Bendahari PESUKA, Yang Dipertua PERMAI En. Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah, Setiausaha dan Bendahari PERMAI, Pengerusi KOSPEMA Pn. Latifah binti Razali, Setiausaha dan Bendahari KOSPEMA, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

### **Pendahuluan**

1. Izinkan saya mohon mencadang supaya suatu **Bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2018** dibentang untuk pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh pada pagi ini.
2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik untuk berkumpul pada pagi Khamis yang mulia ini untuk saya membentangkan **Cadangan Bajet Tahun**

**2018 Majlis Perbandaran Seberang Perai** buat kali pertama selaku Yang Dipertua.

3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas kepercayaan dan mandat yang diberikan kepada saya untuk menerajui MPSP sebagai Yang Dipertua.
4. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan yang sentiasa bersama saya mendengar denyutan bicara hati rakyat.
5. Rakan-rakan media, teman-teman dalam persatuan ANULAE, PUSPANITA, PESUKA, PERMAI dan KOSPEMA yang menjadi lidah penyampai bicara rakyat serta warga MPSP. Terima kasih di atas sokongan anda.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

6. MPSP perlu melakukan anjakan paradigma untuk menggalakkan **knowledge economy** yang berlandaskan **smart infrastructure** dan membangunkan **smart people** serta mengamalkan **smart governance**.
7. MPSP perlu mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan.
8. MPSP perlu menggunakan pendekatan **citizen centric** di mana perkhidmatan yang disampaikan oleh MPSP adalah berdasarkan kehendak **stakeholder**. Dengan ini dapat meningkatkan kepuasan **stakeholder** dan mengurangkan kos.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

9. MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah **bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022**. Oleh yang demikian, tema “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**” telah dipilih sebagai tema Bajet 2018. Ini akan menggambarkan komitmen serta usaha yang akan digembleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni.
  
10. Bagi melengkapkan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya pintar pula, MPSP akan menerokai ***Industri 4.0, Big Data Analytic (BDA), Cloud Computing*** dan ***Internet of Things (IOT)*** untuk melakukan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan lebih pantas, mudah dan terkini.

11. Atas inisiatif untuk menggerakkan MPSP selari dengan perkembangan global serta tuntutan untuk mewujudkan komuniti yang mampan, pelbagai program akan dirancang di dalam **Keutamaan Strategi Tahun 2018** serta **Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2018 hingga 2022**. Elemen yang diberi keutamaan di dalam merencana Bajet Tahun 2018 adalah kepekaan serta keprihatinan MPSP kepada keperluan penduduk Seberang Perai dan seterusnya menjadi inisiatif serta penyelesaian segera yang berkesan terhadap isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh orang awam.
12. Justeru itu, isu serta permasalahan terutamanya berkaitan penyelenggaraan jalan raya dan lalu lintas, prasarana kemudahan awam, persekitaran yang selamat, gaya hidup sihat, penerapan teknologi baru dan penglibatan komuniti telah diberi tumpuan di dalam Bajet Tahun 2018. MPSP akan berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan

dengan memberikan perhatian dan keperluan terutamanya kepada wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua dengan melaksanakan pembangunan yang inklusif dan mematuhi reka bentuk sejagat atau ***universal design principle*** (dengan izin).

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

**Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (*Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB*)**

13. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Tujuannya adalah untuk memastikan pengagihan dan penyediaan peruntukan kewangan akan memberi impak yang menepati kehendak kumpulan gender yang berbeza.

14. MPSP melibatkan komuniti atau wakil penduduk Seberang Perai dalam penyediaan bajet tahunan. Dengan menggunakan pendekatan ini, penduduk akan lebih menghargai setiap perancangan pembangunan atau projek yang dijalankan.
15. Terdapat empat (4) fasa berdasarkan Penang Model dalam pelaksanaan GRPB iaitu: -
- (i) Bancian atau soal selidik dan penganalisan data,
  - (ii) Penetapan objektif akan dibuat berdasarkan keutamaan,
  - (iii) Seterusnya, pelaksanaan projek atau program dan
  - (iv) Pemantauan serta pengauditan akan dibuat oleh MPSP serta pihak luaran bagi melihat keberkesanan pelaksanaan projek atau program tersebut.



## **Soal Selidik Bajet Tahun 2018**

16. Pada 1 Januari hingga 28 Februari 2017 yang lalu, MPSP telah menjalankan **Soal Selidik Bajet Tahun 2018**. Soal selidik bajet ini bertujuan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada masyarakat terhadap perkhidmatan MPSP serta menyentuh berkenaan aspek gender iaitu **keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different people, different needs*)**.
17. Soal Selidik Bajet Tahun 2018 telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris supaya komuniti pelbagai bangsa boleh memahami soal selidik tersebut dan turut mengambil bahagian. Soal selidik kali ini telah dijalankan di beberapa kawasan di seluruh Seberang Perai seperti di pasaraya-pasaraya besar, pasar-pasar, kompleks penjaja serta program-program anjuran MPSP.

18. Selain itu, soal selidik ini juga disediakan secara *online* bagi memudahkan warga Seberang Perai memberikan pandangan. Soal selidik ini juga telah diedarkan kepada semua Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing bagi membolehkan masyarakat setempat turut serta dalam soal selidik kali ini.
19. Maklum balas responden ke atas perkhidmatan keseluruhan MPSP menunjukkan **67% tahap kepuasan** pada tahun 2015, **89% tahap kepuasan** pada tahun 2016, **88% tahap kepuasan** pada tahun 2017 dan **94% tahap kepuasan** untuk Soal Selidik Bajet Tahun 2018.
20. Daripada analisa data ini, menunjukkan kepercayaan dan kepuasan pembayar cukai di Seberang Perai telah meningkat. Ini juga boleh ditafsirkan perkhidmatan MPSP telah bertambah baik. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang lagi untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan MPSP.

21. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah **10,648 orang** iaitu **1.1%** daripada jumlah penduduk di Seberang Perai, 970,780 orang.

22. Hasil kajian soal selidik bajet ini telah dianalisa dan telah dibawa untuk perbincangan yang lebih mendalam melalui **Sesi 'Town Hall' Dialog Bajet MPSP 2018** yang telah diadakan pada 13 Mei 2017 di Iconic Hotel, Icon City.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

**Bajet Berasaskan Keutamaan (*Priority Based Budgeting*)**

23. MPSP menyediakan bajet berasaskan **keutamaan** atau ***priority based budgeting***. Dengan mengguna pakai pendekatan ini, MPSP dapat mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber sedia ada serta perkhidmatan dapat

disampaikan secara inovatif dengan kos yang minimum. MPSP memberikan keutamaan kepada perkara-perkara yang memberikan impak secara langsung kepada kesejahteraan warga Seberang Perai.

24. Sesi “Town Hall” yang telah diadakan sejak tahun 2012 hingga kini merupakan antara platform terbaik untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti Seberang Perai. Menerusi sesi ini, MPSP mendapat pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama erat dengan komuniti Seberang Perai dalam menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan lalu lintas, penguatkuasaan, isu-isu banjir dan lain-lain isu perbandaran dengan lebih berkesan.

25. Sesi ‘Town Hall’ kali ini mengambil pendekatan perbincangan di dalam kumpulan mengikut fokus yang telah ditetapkan. Tahap keutamaan

responden ke atas perkhidmatan MPSP untuk tahun 2018 adalah: -



**25.1 Kebersihan** - **24%** *stakeholder* telah menyatakan bahawa MPSP perlu memberikan keutamaan (*priority*) kepada kebersihan dalam penyediaan bajet tahun 2018 berbanding dengan tahun 2017 iaitu **27%**,

**25.2 Infrastruktur & Kemudahan Awam** - **15%** *stakeholder* telah berpendapat bahawa bajet MPSP tahun 2018 perlu diberi perhatian kepada infrastruktur dan kemudahan awam berbanding dengan tahun 2017 iaitu **16%**,

25.3 Manakala **Keselamatan & Lalulintas** pula - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **15%** berbanding dengan tahun 2017 iaitu **13%**,

25.4 Untuk **Kawalan Banjir** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2017 iaitu **13%**,

25.5 Bagi **Pengindahan & Kehijauan** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **13%** berbanding dengan tahun 2017 iaitu **12%**,

25.6 **Penguatkuasaan Undang-Undang** - keutamaan untuk bajet tahun 2018 adalah **tidak berubah** dengan tahun 2017 iaitu **10%** dan

25.7 **Penglibatan Komuniti** - *stakeholder* menyatakan keutamaan bajet tahun 2018

adalah **10%** berbanding dengan tahun 2017 iaitu **9%**.

26. Dengan adanya borang soal selidik serta Sesi “Town Hall” bajet MPSP ini, secara tidak langsung ianya menunjukkan bahawa tahap penglibatan komuniti di MPSP dilihat sudah menunjukkan peningkatan yang baik. Sesungguhnya MPSP amat menghargai penglibatan, pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh warga Seberang Perai dalam merangka bajet tahunan MPSP.

### **Prestasi Kewangan dan Pengurusan Sumber**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat prihatin kepada isu kenaikan kos sara hidup rakyat Pulau Pinang. Bagi menzahirkan keperihatinan tersebut, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah memberikan pengecualian cukai taksiran kepada pemilik rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung serta 6% rebat

kepada lain-lain premis yang berjumlah **RM15.9 juta**. Ini merupakan tahun ke-dua (2) Kerajaan Negeri memberikan pengecualian cukai taksiran kepada pemilik harta berkadar di Seberang Perai selepas kali pertama diberikan pada tahun 2016.

28. MPSP sentiasa berusaha menguruskan aspek kewangan secara berhemah, berkesan dan teratur mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Ketua Audit Negara dalam laporannya bertarikh 2 Ogos 2017 menyatakan bahawa Penyata Kewangan MPSP telah memberikan gambaran yang **benar dan saksama** serta selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) 1976. Penyata kewangan MPSP bagi tahun 2016 sekali lagi telah dianugerahkan **Sijil Bersih** oleh Ketua Audit Negara. Ini merupakan tahun ke-enam belas (16) berturut-turut MPSP berjaya mengekalkan sijil bersih bagi penyata kewangan MPSP.



29. MPSP akan terus komited untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh. Bagi mencapai tujuan tersebut, MPSP akan memastikan kawalan terhadap perbelanjaan mengurus diperketatkan melalui pengawalan dan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti, melaksanakan langkah-langkah penjimatan dan mengelakkan pembaziran serta memastikan pengurusan kewangan yang cekap. Bajet Tahun 2018 yang disediakan juga adalah mengikut kemampuan kewangan semasa MPSP dan ia berteraskan kepada prinsip **value for money** iaitu mendapat pulangan terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

30. Oleh itu, fokus MPSP adalah **outcome** bagi setiap projek atau program yang dilaksanakan serta mengimbangi antara **financial deficit and social gain**. MPSP sentiasa menumpukan usaha-usaha ke arah pengukuhan kedudukan kewangan sejak

beberapa tahun yang lalu. Ini adalah satu usaha penting supaya kesinambungan perkhidmatan berkualiti kepada warga Seberang Perai terus terjamin.

31. Usaha-usaha menarik kemasukan pelabur dari dalam dan luar negara yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kerajaan Negeri ke Seberang Perai banyak membantu dalam menambah pendapatan MPSP. MPSP juga telah berusaha menyediakan infrastruktur & prasarana yang berkesan dalam menarik minat pelabur untuk datang melabur di Seberang Perai.

32. MPSP juga sentiasa menjalinkan kerjasama dengan rakan kongsi daripada sektor swasta dan penglibatan rakyat dalam sesuatu inisiatif atau projek agar dapat memaksimumkan pulangan kewangan dan memberi impak sosial yang tinggi. Program “**7P’s: People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership**” akan diperkenalkan dalam tempoh pelaksanaan

Pelan Strategik Seberang Perai 2018 - 2022 bagi mencapai Seberang Perai ***“Resilient, Inclusive, Green And Competitive”***.

33. MPSP dengan kerjasama Think City mengorak langkah mewujudkan kolaborasi dua hala dalam memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth. Kajian dan perancangan Bandar Butterworth telah dilaksanakan dengan mewujudkan Pelan Butterworth Baharu sebagai satu garis panduan bagi merencanakan pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan membawa perubahan dan penambahbaikan untuk menjadikan Butterworth sebagai hub pengangkutan, kesenian dan kebudayaan.

34. Pada tahun 2018, MPSP akan terus melaksanakan program-program untuk meremajakan Bandar Bukit Mertajam serta memberi komitmen yang tinggi dalam pembangunan Eco-City di Batu Kawan. MPSP

juga memberi fokus kepada eko-pelancongan dalam memelihara aset semulajadi di Seberang Perai seperti *bird watching* dan pemuliharaan tempat-tempat warisan seperti Guar Kepah serta jambatan keretapi lama di Pinang Tunggal.

35. MPSP akan mempergiatkan perkongsian pintar dengan agensi-agensi seperti Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang (PBAPP), Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan sektor swasta untuk mewujudkan lebih banyak program ***forest bathing*** berunsurkan eko terapi seperti yang telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng pada 23 September 2017 di Hutan Simpan Bukit Juru.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

### **Teras Bajet Tahun 2018**

36. MPSP telah merencanakan **tiga (3) teras utama** dalam Bajet Tahun 2018 iaitu: -

**Teras Pertama: Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**

**Teras Kedua: Membangunkan ‘*Smart People*’ & Menjalinkan ‘*Smart Partnership*’**

**Teras Ketiga: Fiskal Yang Kukuh**

#### **TERAS PERTAMA:**

#### **RESILIENT, INKLUSIF, HIJAU DAN KOMPETITIF**

37. Bajet Tahun 2018 adalah lebih mencabar dengan memberi tumpuan kepada empat (4) bidang keberhasilan utama atau ***Key Result Area (KRA)*** yang merupakan teras perkhidmatan kepada

warga Seberang Perai iaitu *resilient*, inklusif, hijau dan kompetitif. Ianya juga selari dengan pandangan warga Seberang Perai yang telah dinyatakan dalam Soal Selidik Bajet Tahun 2018.

38. MPSP telah menjalankan kaji selidik kehendak pelanggan terhadap pembentukan Pelan Strategik Seberang Perai bagi tahun 2018 hingga 2022 bermula dari 1 September 2017 hingga 25 September 2017. Sepuluh (10) keutamaan strategi yang telah dipilih oleh responden adalah seperti berikut: -

38.1 **Persekitaran yang Selamat** diperuntukkan sebanyak **RM38.16 juta** untuk tahun 2018 iaitu **13.0%**,

38.2 **Kemudahan dan Infrastruktur yang Berkualiti** diperuntukkan sebanyak **RM36.92 juta** iaitu **12.6%**,

- 38.3 Untuk **Gaya Hidup Sihat** diperuntukkan sebanyak **RM34.77 juta** iaitu **11.8%**,
- 38.4 Manakala **Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih** diperuntukkan sebanyak **RM30.36 juta** iaitu **10.3%**,
- 38.5 **Penerapan Teknologi Baru** adalah sebanyak **RM29.95 juta** iaitu **10.2%**,
- 38.6 Bagi **Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing** diperuntukkan sebanyak **RM28.32 juta** iaitu **9.7%**,
- 38.7 Untuk **Memperkukuhkan Budaya dan Warisan** diperuntukkan sebanyak **RM27.73 juta** pada tahun 2018 iaitu **9.5%**,
- 38.8 **Bandar yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni** adalah sebanyak **RM25.6 juta** iaitu **8.7%**,

38.9 **Keterlibatan Komuniti** pula adalah sebanyak **RM21.91 juta** iaitu **7.5%** dan

38.10 **Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama** diperuntukkan sebanyak **RM19.74 juta** iaitu **6.7%** bagi tahun 2018.

### **Seberang Perai Perbandaran Yang Resilient**

39. MPSP telah memperuntukkan **34.8%** atau **RM102.17 juta** daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan tahun 2018 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Semua kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai dilaksanakan sendiri oleh MPSP.

40. Kos yang terlibat bagi menjadikan Seberang Perai lebih bersih adalah bayaran emolument kakitangan seramai 2,161 orang, kos **pelupusan sampah di Pulau Burung** sebanyak **RM9.45 juta**, kos **pemindahan dan pengangkutan sampah di**



**Ampang Jajar** sebanyak **RM4.45 juta**, **bekalan dan sewaan tong sampah** sebanyak **RM0.44 juta**, **sewaan GPS kenderaan** sebanyak **RM178,000**, **pembelian peralatan pembersihan** sebanyak **RM1.3 juta** dan **kempen-kempen kesedaran serta pendidikan**.

41. Pada 1 Jun 2016 yang lalu, **Dasar Pengasingan Sisa Di Punca** telah dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan pembersihan serta memanjangkan hayat penggunaan tapak pelupusan sampah di Pulau Burung. Sekiranya perbelanjaan keseluruhan pembersihan dapat dikurangkan sebanyak **50%**, maka MPSP akan memperolehi **lebih peruntukan** sebanyak **RM50 juta** untuk dibelanjakan bagi pembangunan, infrastruktur dan kemudahan awam serta pengindahan dan kehijauan.

42. MPSP berharap dengan penggunaan sumber yang efektif dapat menjadikan Seberang Perai, perbandaran yang *resilient*.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

### **Seberang Perai Perbandaran Yang Inklusif**

43. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat serta ke arah menjadikan Seberang Perai bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar, sistem pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif dan strategik serta praktikal perlu diwujudkan.

44. Untuk itu, MPSP memperuntukkan sejumlah **RM18.16 juta** atau **6.2%** daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan bagi **penyewaan CCTV** yang telah dipasang di seluruh Seberang Perai. Pemasangan

CCTV adalah bertujuan untuk menangani isu-isu jenayah atau keselamatan orang ramai serta digunakan bagi pemantauan pembuangan sampah haram, penjaja haram, keadaan trafik dan lalu lintas dan parkir. MPSP juga memperuntukkan sejumlah **RM2.5 juta** bagi **penyelenggaraan lampu-lampu jalan.**

45. MPSP juga memperuntukkan sejumlah **RM10 juta** pada tahun 2018 bagi **pembayaran bil-bil lampu awam.** Sebanyak **RM137,000** diperuntukkan bagi **penyelenggaraan lampu isyarat, pondok bas, tempat letak kereta dan papan tanda lalu lintas.** MPSP telah melantik syarikat **kawalan keselamatan** bagi memastikan keselamatan bangunan-bangunan dan premis-premis MPSP terjamin. Untuk tujuan tersebut sebanyak **RM1.6 juta** telah disediakan dalam bajet tahun 2018.

46. Di samping itu, MPSP memperuntukkan sebanyak **RM0.3 juta** untuk **program bandar selamat** iaitu penyediaan laluan pejalan kaki atau laluan

berbasikal atau railing mengikut reka bentuk inklusif. Sebanyak **RM0.4 juta** diperuntukkan untuk kerja-kerja **penyelenggaraan jalan** perbandaran dan dalam taman dan **RM150,000** untuk **pemasangan lampu isyarat** di persimpangan Jalan Seri Impian 3 dan Jalan Alma Jaya, Bukit Mertajam.

47. MPSP juga tidak ketinggalan dalam memberikan perhatian kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) dengan mengikut reka bentuk *Universal Design* dalam perancangan Bajet Tahun 2018 dengan memperuntukkan sebanyak **RM100,000** bagi projek menaik taraf kemudahan awam sedia ada.

48. Sehingga bulan Ogos 2017, MPSP telah membelanjakan wang dari **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS – *Malaysian Road Record Information Sytem*)** sebanyak **RM18.77 juta** untuk kerja-kerja selenggara dan pembaikan jalan perbandaran di seluruh

Seberang Perai. MPSP telah menetapkan piawai baru bagi pemotongan rumput iaitu panjang rumput tidak melebihi 5 sentimeter pada satu-satu masa bagi jalan negeri dan bandaran. Bagi aktiviti menampal '*pot hole*', MPSP telah menetapkan supaya ianya diambil tindakan dalam tempoh 24 jam.

49. MPSP juga akan memperluaskan skop perkhidmatan pembersihan kepada kawasan kampung baru dan kampung tradisional yang telah dibahagikan kepada tujuh (7) zon mengikut Parlimen di kawasan Seberang Perai. MPSP dari semasa ke semasa akan terus mengemaskini data jalan dalam sistem MARRIS bagi mendapatkan lebih peruntukan pada tahun-tahun akan datang.

## Seberang Perai Perbandaran Yang Kompetitif

### Kemudahan dan Infrastruktur

50. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan awam demi memastikan warga Seberang Perai menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi, sebanyak **RM10.23 juta** atau **3.5%** telah diperuntukkan pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017 sebanyak **RM11.02 juta** atau **3.9%** telah diperuntukkan. Ia merangkumi **pembayaran bil utiliti** sebanyak **RM3 juta** dan **penyelenggaraan pasar-pasar awam dan kompleks makanan** sebanyak **RM1.45 juta**.

51. Bagi merealisasikan program anjing terbiar sifar (2014 – 2018), MPSP memperuntukkan sebanyak **RM500,000** bagi pembinaan **paun anjing**. Di samping itu, **penyelenggaraan dan pembaikan kompleks sukan** juga akan dilaksanakan sebanyak **RM1.07 juta** dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan

kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam MPSP. MPSP juga akan menyumbang sebanyak RM1.0 juta bagi menampung kos keseluruhan **menaik taraf Dewan Dato Hj Ahmad Badawi** sebanyak **RM4.4 juta** bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada penduduk Seberang Perai.

52. Dalam usaha menyediakan infrastruktur yang kompetitif, MPSP memperuntukkan sebanyak **RM0.5 juta** untuk projek **pelebaran Jalan Sejahtera** dan **RM100,000** untuk **menaik taraf kemudahan untuk eko pelancongan**.

53. Selain menggunakan peruntukan MPSP bagi tujuan ini, MPSP juga menggunakan **Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam** sebanyak **RM3.82 juta** pada tahun 2018 untuk tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti naik taraf kompleks makanan dan pasar awam serta penyelenggaraan pondok

bas di seluruh Seberang Perai mengikut perancangan yang telah dibuat.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

### **Mitigasi Banjir**

54. MPSP komited dalam menangani serta mendepani cabaran banjir dengan perancangan-perancangan yang dapat meminimalkan kejadian serta kesan pasca banjir. Pada tahun 2018, sebanyak **RM9.13 juta** atau **3.1%** telah diperuntukkan dari keseluruhan peruntukan perbelanjaan. Sejumlah **RM6.2 juta** telah diperuntukkan bagi merangkumi kerja-kerja **penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan, penyelenggaraan rumah pam dan kawalan banjir** pula adalah sebanyak **RM0.25 juta** dan **penyelenggaraan di kawasan perindustrian** adalah sebanyak **RM1.7 juta**.



55. Selain menggunakan peruntukan MPSP, projek serta rancangan bagi kawalan banjir juga akan menggunakan peruntukan **Wang Caruman Pamaritan** sebanyak **RM4.48 juta** akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai serta mengelakkan kerosakan harta benda dan mengurangkan masalah sistem pengairan yang tidak efisien.

### **Seberang Perai Perbandaran Yang Hijau**

56. MPSP diberi amanah serta tanggungjawab untuk mengindah dan menceriakan Seberang Perai agar dapat dinikmati dan dirasai oleh penduduk Seberang Perai. Di samping itu, ia juga dijadikan kawasan rekreasi dan kemudahan riadah untuk semua peringkat umur.

57. MPSP telah memperuntukkan sebanyak **RM1.5 juta** bagi menjalankan kerja-kerja **penyelenggaraan dan pengindahan landskap,**

memaju, membersih dan memperelok am adalah sebanyak **RM0.7 juta** serta membina tempat-tempat rekreasi awam dan sukan sebanyak **RM0.55 juta**. Keseluruhan peruntukan yang disediakan untuk pengindahan dan kehijauan adalah sebanyak **RM4.58 juta** iaitu **1.6%** untuk tahun 2018.

58. MPSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.25 juta** untuk bekalan dan bahan serta penyelenggaraan tapak samaian MPSP. MPSP juga akan menggunakan Wang Sumbangan Menggantikan Kemudahan Awam (Kawasan Lapang) sebanyak **RM0.6 juta** pada tahun 2018 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai.

59. MPSP amat mengalu-alukan syarikat-syarikat dan badan-badan korporat dalam melaksanakan program dan aktiviti yang akan menyumbang ke arah Seberang Perai yang lebih indah dan hijau melalui program “**7P’s: People, Public, Private,**

***Philantrophy, Philosopher, Planet Partnership***”.

60. Di samping itu, bagi mencapai sasaran bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022, MPSP akan melaksanakan dasar-dasar progresif ke arah penggunaan tenaga yang diperbaharui (*renewable energy*). Pada tahun 2018, *solar photovoltaic (PV) cell* akan digunakan untuk mengubah tenaga solar kepada tenaga elektrik dan membekal 1% daripada jumlah tenaga elektrik yang diperlukan oleh bangunan MPSP di Bandar Perda.
61. MPSP juga merancang untuk menggalakkan “*cycle to work*” melalui pembinaan laluan basikal yang menghubungkan Taman Pauh Jaya dan Pauh Damai ke Politeknik Seberang Perai, MPSP, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Balai Bomba, Ibu Pejabat Polis Daerah, Pejabat Pusat Urus Zakat dan Perhentian Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Bandar Perda

yang seterusnya akan membawa penumpang ke KOMTAR.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

**TERAS KEDUA:  
MEMBANGUNKAN ‘SMART PEOPLE’ &  
MENJALINKAN ‘SMART PARTNERSHIP’**

**Penerapan Teknologi Baru**

62. MPSP ke arah menjadi sebuah bandar pintar yang merupakan *characteristic* sebuah bandar maju di mana bandar yang persekitaran teknologi maklumat mempengaruhi gaya hidup masyarakat pada masa hadapan. MPSP perlu menerokai **Industri 4.0, Big Data Analytic (BDA), cloud computing** dan **internet of things (IOT)** untuk melakukan transformasi digital dalam pemberian perkhidmatan kepada pelanggan. Oleh itu, untuk Bajet Tahun 2018, MPSP memperuntukkan

sebanyak **RM29.95 juta** iaitu **10.2%** untuk tujuan ini.

63. Bagi meningkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan MPSP, sebanyak **RM4.69 juta** diperuntukkan untuk pembelian **perkakasan dan perisian sistem maklumat berpusat MPSP** dan ia terdiri daripada pembangunan sistem dalaman MPSP, *Big Data Analytic (BDA)*, *smart parking*, *PC virtualization*, pusat pemulihan bencana (DRC) dan lain-lain. MPSP juga memperuntukkan sebanyak **RM1.99 juta** untuk **pembayaran penyelenggaraan sistem** dalaman MPSP. Untuk **bekalan kecil peralatan komputer** dan **penyelenggaraan dan kelengkapan komputer**, MPSP telah memperuntukkan sebanyak **RM0.49 juta** untuk Bajet Tahun 2018.

### **Penguatkuasaan Undang-Undang**

64. Bagi mempertingkatkan keselamatan awam agar kualiti hidup warga Seberang Perai lebih terjamin,

MPSP sentiasa mencari kaedah serta pendekatan yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran penduduk Seberang Perai. Sebanyak **RM4.37 juta** atau **1.5%** diperuntukkan bagi menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan yang lebih efisien di seluruh Seberang Perai.

65. Peruntukan sejumlah **RM0.35 juta** disediakan untuk **perbelanjaan undang-undang** manakala **RM0.4 juta** untuk **mencetak tiket berkupon** untuk tempat letak kereta awam. Pada tahun 2018, sebanyak **RM0.4 juta** disediakan bagi **pembinaan stor sitaan** yang baru di Taman Keruing, SPS bagi menempatkan barang-barang rampasan selepas tindakan penguatkuasaan dijalankan.

66. Selain itu, MPSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.1 juta** untuk **bayaran perintah mahkamah** bagi kes-kes yang dibawa untuk tindakan perundangan serta **RM0.25 juta** pula diperuntukkan untuk **stiker atau sepanduk atau**

**papan kenyataan** bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

67. **RM0.8 juta** disediakan bagi **program pungutan dan kutipan cukai** yang merangkumi kerja-kerja pencetakan bil cukai taksiran, Notis E taksiran, notis peringatan dan waran tahanan serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pungutan tunggakan cukai taksiran.

### **Penglibatan Komuniti**

68. MPSP juga bertanggungjawab di dalam mempertingkatkan penglibatan komuniti warga Seberang Perai. Bagi melahirkan komuniti yang berpengetahuan, mampan, kemahiran dan nilai moral yang tinggi. Pelbagai aktiviti dirancang termasuklah melaksanakan program khas bersama komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong yang dapat memupuk semangat toleransi, harmoni dan saling

bekerjasama di antara masyarakat yang berbilang budaya, bangsa dan agama.

69. MPSP juga telah memperkenalkan '**Smart Consumption Model**' kepada warga Seberang Perai iaitu **recycle, refuse, re-use, reduce, re-think, repair, re-gift & recover**. Model ini diperkenalkan bagi mengurangkan jumlah pelupusan sampah, pembaziran makanan, mengurangkan jumlah pelepasan gas rumah hijau (GHG) serta peningkatan gaya hidup sihat. MPSP mensasarkan menjelang tahun 2022 sebanyak 70% sampah dikitar semula supaya pelepasan gas rumah hijau dapat dikurangkan daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.65 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** dan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya rendah karbon dapat direalisasikan.

70. Ahli Majlis-Ahli Majlis juga telah diberi peranan bagi menggerakkan projek komuniti di kawasan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.68 juta** atau sejumlah **RM70,000**



bagi setiap Ahli Majlis. Bagi tahun 2018, MPSP telah memperuntukkan sebanyak **RM20,000** bagi **Program Karnival Haiwan Kesayangan** serta **RM80,000** bagi **Program Anjing Terbiar Sifar (2015-2018)**. Ini adalah program kerjasama di antara MPSP dengan UMK (Universiti Malaysia Kelantan) yang bermula sejak Februari 2016 dalam membantu mengurangkan populasi anjing terbiar melalui konsep pemandulan anjing.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

### **Menjalinkan ‘Smart Partnership’**

71. MPSP dari semasa ke semasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan *Penang Women Development Corporation (PWDC)* dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai terutamanya dalam mengurus perdanakan isu gender serta

meningkatkan dan menggalakkan penyertaan rakyat dalam penyediaan bajet MPSP.

72. Kerjasama ini telah bermula sejak tahun 2012 dan kini telah memasuki tahun ke-enam usahasama dijalankan. Dengan kejayaan di PPR Ampangan sebagai projek perintis GRPB, MPSP terus komited bagi menyalurkan dana sebanyak **RM200,000** setahun kepada PWDC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang.

73. MPSP juga memperuntukkan sebanyak **RM0.2 juta** untuk **program Local Agenda 21** dan **RM0.2 juta** untuk program **pendidikan kesihatan, kebersihan dan pengindahan** bersama penduduk Seberang Perai. Keseluruhan bajet untuk penglibatan komuniti adalah sebanyak **RM2.53 juta** atau **0.9%** untuk tahun 2018. Diharapkan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan bersama komuniti akan

menjadikan Seberang Perai lebih cemerlang dan ternama di masa hadapan.

### **Pembangunan Modal Insan**

74. Majlis Perbandaran Seberang Perai bersyukur dan bertuah kerana mempunyai pasukan penjawat awam yang kuat, profesional dan berintegriti. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua kakitangan MPSP yang telah bertungkus lumus meningkatkan hasil untuk membiayai pembangunan serta bersama-sama dalam keadaan susah sama ada ketika berlakunya banjir dan kecemasan demi kemakmuran Seberang Perai.

75. Pada 15 dan 16 September 2017 yang lalu, kejadian banjir telah berlaku baru-baru ini akibat hujan berpanjangan di seluruh Pulau Pinang. Banyak kawasan dinaiki air akibat dari taburan hujan yang tinggi serta dalam tempoh yang berpanjangan. Bagi memastikan aliran air tidak

tersekat dengan sampah sarap, *response team* daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang melibatkan Sembilan (9) buah depoh, Unit Skwad Khas, Unit Rumah Pam dari Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap telah digerakkan secara aktif di seluruh kawasan bagi pembersihan longkang, parit monsun, perangkap sampah, rumah pam serta scupper drain. Di samping itu juga, pembersihan sisa pokok tumbang juga dibuat bagi membuka laluan dan menjaga keselamatan lalu lintas. Seramai 200 orang pekerja serta 30 buah pelbagai kenderaan bertugas ketika berlaku kecemasan akibat banjir. Selama dua (2) hari tersebut, sebanyak 58 tan sampah telah diangkat daripada perangkap sampah bagi memudahkan pengaliran air.

76. Sumber manusia atau kakitangan merupakan aset terpenting dan tenaga penggerak yang menyumbang kepada sesebuah organisasi bagi melaksanakan operasi dan aktiviti harian. Oleh itu,

sejumlah **RM180.31 juta** telah diperuntukkan bagi membiayai kos **emolumen** termasuk gaji, bayaran-bayaran elaun perkhidmatan serta imbuhan tahunan untuk **4,155** perjawatan.

77. Jumlah peruntukan ini meningkat sebanyak **RM20.58 juta** akibat daripada pelarasan gaji minimum RM1,200 yang bermula 1 Julai 2016 dan pemberian faedah dari pemindahan gaji yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan berkuat kuasa 1 Julai 2016.

78. Dalam kesiapsiagaan modal insan ke tahap berdaya maju, MPSP telah menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan. Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja yang memenuhi aspirasi warga Seberang Perai.

79. Bagi tujuan ini, sejumlah **RM1.42 juta** telah diperuntukkan bagi perbelanjaan untuk **menghadiri kursus, seminar, peperiksaan** serta **lawatan sambil belajar**.

### **Kebajikan Pekerja**

80. MPSP amat menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP telah menyediakan peruntukan bagi **perkhidmatan perubatan** berjumlah **RM1.65 juta**. Bagi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, **kemudahan klinik panel** disediakan kepada kakitangan dan kakitangan berkeluarga dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.72 juta**.

81. Mulai tahun 2018, kemudahan rawatan klinik panel dinaikkan sebanyak RM100 bagi kakitangan berkeluarga menjadikan had kelayakan tahunan

meningkat kepada **RM600 setahun** manakala bagi kakitangan yang belum berkeluarga dinaikkan sebanyak RM50 menjadikan had kelayakan meningkat kepada **RM250 setahun**. MPSP juga akan memperluaskan penggunaan peruntukan ini kepada **rawatan pergigian**. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru semua kakitangan agar mengamalkan gaya hidup sihat agar perkhidmatan kepada warga Seberang Perai dapat diberi dengan lebih cemerlang.

82. Pada tahun 2018, MPSP mengekalkan peruntukan sebanyak **RM300,000** bagi **bayaran pampasan (ex-Gratia)** kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Ini dilakukan bagi menyelesaikan kes-kes kemalangan serta menunjukkan komitmen majikan kepada kebajikan pekerja.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
Sekalian,

**TERAS KETIGA:  
FISKAL YANG KUKUH**

**Pengurusan Kewangan MPSP**

83. Cabaran utama MPSP dalam pengurusan kewangan MPSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan dan permintaan penduduk. Anggaran kutipan hasil cukai taksiran untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM185.91 juta. Jumlah keseluruhan premis berkadar di Seberang Perai adalah 318,144 unit yang terdiri daripada perindustrian, rumah kediaman, premis perniagaan dan perdagangan, rumah kampung dan tanah. Oleh itu, anggaran kos perbelanjaan yang ditanggung oleh MPSP untuk seunit premis berkadar adalah sebanyak RM584.36 setahun atau RM48.70 sebulan.



84. Mentadbir satu organisasi PBT, adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan hasil dan produktiviti, di samping masih meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kepada pembayar cukai. Perbelanjaan MPSP boleh dikurangkan sekiranya mendapat kerjasama yang erat daripada warga Seberang Perai serta kesediaan berganding bahu menyelesaikan masalah setempat. Perbelanjaan yang dapat dikurangkan ini dapat dimanfaatkan ke atas penyediaan kemudahan awam, infrastruktur, kawasan rekreasi, pembangunan kompleks penjaja dan sebagainya.

### **Pengiktirafan dan Pencapaian**

85. Di peringkat antarabangsa, MPSP telah mendapat ***Silver Award*** dalam kategori ***Digital Inclusion Category*** bagi ***“Smart Monitoring System 2.0”*** untuk ***3rd WeGO Smart Sustainable City***

**Awards** di Russia pada 27 hingga 30 Jun 2017 yang lalu.

86. MPSP telah menjalinkan hubungan yang baik dengan beberapa buah bandar tersohor di luar negara dalam usaha meningkatkan aktiviti penandaarasan atau **benchmarking** serta mengantarabangsakan MPSP seperti: -

- (i) Freemantle, Australia,
- (ii) Bandar Metropolitan Gwangju - *Human Right City*,
- (iii) Seoul Metropolitan Government - Menandatangani MOU bersama Seoul Metropolitan Government berkenaan *Environmental Policy Exchange* dan
- (iv) City Of Yokohama - Hubungan kerjasama dengan Bandar Yokohama, Jepun untuk menjadikan Bukit Mertajam sebagai *pilot project* atau *landmark* dari segi *urban design*. MPSP telah menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) dengan City of

Yokohama , University of Yokohama, JICA, USM pada 20 Oktober 2015.

87. MPSP telah mendapat pelbagai pengiktirafan di dalam dan di luar negara hasil daripada keberkesanan penyampaian perkhidmatan MPSP kepada *stakeholder*. Baru-baru ini, MPSP telah disenaraikan dalam ***The Malaysia Book Of Records*** untuk program penanaman **3,002 batang pokok *tecoma*** sempena Hari Kemerdekaan Ke-60 pada 27 Ogos 2017 yang lalu.

88. MPSP juga telah disenaraikan semula dalam ***The Malaysia Book Of Records*** sebagai Pihak Berkuasa Tempatan pertama yang telah berjaya mendapat **enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti**. MPSP juga merupakan PBT pertama yang melaksanakan sistem pengurusan kualiti berintegrasi.

89. Pada 10 Julai 2017, MPSP telah dianugerahkan oleh Ketua Setiausaha Negara '**Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016 (5 Bintang)**' di Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Pekerjaan Malaysia.
90. MPSP juga telah berjaya tersenarai antara **lapan (8) buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terbaik** dalam kategori **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Peringkat Kebangsaan** bagi tahun 2016 dan MPSP telah menerima penghargaan sebanyak RM100,000.
91. MPSP telah memenangi **Tempat Pertama** untuk kategori **Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Peringkat Negeri Pulau Pinang** bagi tahun 2016 untuk projek ***Anti-Theft Sliding Door for Lamp Post: A-Test Door*** dan **Tempat Kedua** untuk **Alat Perangkap Lalat**. Manakala untuk kategori **Anugerah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AllCT)**, MPSP telah mendapat **Tempat Ketiga** untuk **Sistem**

eMahkamah. Bagi kategori **Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK)** pula, MPSP telah mendapat **Anugerah Khas** untuk **AI-KAD (Kad Pemberitahuan Tunggalan Cukai Taksiran)**.

92. Selain itu, MPSP juga telah mendapat **Anugerah Khas Menteri** dan **Penghargaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau** sempena Sambutan Hari Karnival KPKT 2016. Ianya adalah bagi kategori Majlis Perbandaran untuk dua (2) inisiatif iaitu **Penyediaan Laluan Pejalan Kaki** dan **Program Pengkomposan Sisa**.

93. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang untuk penambahbaikan lagi dalam urus tadbir MPSP.

94. Pengiktirafan dan pencapaian juga adalah penting kepada sesebuah organisasi terutamanya MPSP. Ianya memberi impak dan persepsi umum kepada MPSP serta pelabur yang ingin membuat pelaburan di Seberang Perai khususnya.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

## **Bajet Tahun 2018**

### **Komponen Pendapatan**

95. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai, MPSP perlu berusaha keras menambahkan hasil bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang bakal meningkat setiap tahun.
96. Dianggarkan dalam Bajet Tahun 2018, MPSP bakal memperolehi pendapatan sebanyak **RM268.56 juta** berbanding **RM257.32 juta** dalam tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak **RM11.24 juta** atau **4.37%**.
97. Seperti tahun-tahun sebelumnya, Cukai Taksiran merupakan penyumbang utama untuk hasil keseluruhan MPSP iaitu sebanyak **RM185.91** atau **69%** daripada keseluruhan jumlah hasil MPSP.

Walau bagaimanapun, anggaran **Hasil Cukai** ini hanya berjaya dicapai sekiranya 100% pembayar cukai menjelaskannya.

98. Bagi **Hasil Bukan Cukai** sebanyak **RM72.65 juta** atau **27%** dari jumlah hasil MPSP dan **Terimaan Bukan Hasil** sebanyak **RM10 juta** atau **4%**. Antara komponen bagi Hasil Bukan Cukai adalah terdiri daripada lesen dan permit, perkhidmatan & bayaran perkhidmatan, faedah dan perolehan dari pelaburan serta denda dan hukuman.

### **Komponen Perbelanjaan**

99. Untuk mencapai dasar bajet tahun 2018 dan bagi melaksanakan cadangan-cadangan dari *stakeholder* dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet, MPSP mencadangkan sejumlah **RM293.47 juta** peruntukan perbelanjaan di mana **RM278.45 juta** disediakan bagi Peruntukan **Mengurus**, **RM6.76 juta** untuk Peruntukan **Pembangunan** dan **RM8.26 juta** untuk Peruntukan **Harta Modal**.

MPSP juga akan menggunakan peruntukan daripada **Kumpulan Wang Sumbangan** sebanyak **RM37.94 juta** bagi membiayai projek-projek pembangunan di kawasan Seberang Perai. Secara keseluruhannya, MPSP akan membelanjakan sejumlah **RM44.7 juta** pada tahun 2018 bagi perbelanjaan pembangunan.

100. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan peruntukan sebanyak **5.14%** atau **RM14.34 juta** dalam Bajet MPSP Tahun 2018 berbanding dengan bajet pada tahun 2017 iaitu **RM279.13 juta**. Peruntukan Mengurus meningkat sebanyak **4.44%** atau **RM11.84 juta** dalam Bajet Tahun 2018 berbanding dengan **RM266.62 juta** yang diperuntukkan dalam Bajet Tahun 2017.

101. Perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan **emolumen** kakitangan sebanyak **RM91.7 juta**, **perkhidmatan dan bekalan** sebanyak **RM172.16 juta**, **pemberian dan kenaikan bayaran tetap** sebanyak **RM7.19 juta**



dan **perbelanjaan-perbelanjaan lain** sebanyak **RM7.4 juta**. Perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2018 antara lain disebabkan kenaikan kos emolument termasuk kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta kenaikan kos penyelenggaraan dan bayaran cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak **RM1 juta**.

**102. Peruntukan Pembangunan** meningkat sebanyak **2.4%** atau **RM0.16 juta** iaitu daripada **RM6.6 juta** dalam Bajet Tahun 2017 kepada **RM6.76 juta** dalam Bajet Tahun 2018. MPSP akan menggunakan pakai Kumpulan Wang Sumbangan yang berjumlah **RM37.94 juta**. Ini menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 adalah berjumlah **RM44.7 juta**.

**103. Peruntukan Harta Modal** meningkat sebanyak **39.76%** atau **RM2.35 juta** iaitu **RM8.26 juta** dalam Bajet Tahun 2018 berbanding Bajet Tahun

2017 yang diperuntukkan sebanyak **RM5.91 juta**. Peningkatan ini disebabkan MPSP akan membuat **pembelian kenderaan** sebanyak **RM2.22 juta** bagi menggantikan kenderaan lama bagi menambahbaik perkhidmatan MPSP kepada warga Seberang Perai. Di samping itu, perbelanjaan ini juga merangkumi pembelian **alat-alat mesin kejuruteraan** sebanyak **RM0.33 juta**, **alat-alat pejabat** sebanyak **RM0.87 juta** serta **perkakasan dan perisian komputer** sebanyak **RM4.69 juta** bagi memastikan Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar pintar.

Ahli Majlis-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

### **Penutup**

104. Pada tahun 2018, saya mencadangkan peruntukan berjumlah **RM293.47 juta** berbanding anggaran pendapatan sebanyak **RM268.56 juta**.

Ini bermakna pada tahun 2018, saya mencadangkan **bajet defisit** berjumlah **RM24.91 juta**. Bajet defisit bertujuan untuk menjana aktiviti ekonomi dan pembangunan demi kesejahteraan penduduk Seberang Perai dan ia sebagai langkah *counter cyclical* untuk melawan kelembapan ekonomi.

105. Maka bajet defisit masih relevan dan tidak dapat dielakkan. MPSP sentiasa mengamalkan perbelanjaan yang berhemah serta penjimatan dalam membuat perbelanjaan di samping meningkatkan kutipan hasil MPSP. Melalui program-program yang dilaksanakan, MPSP akan menggembeng segala usaha dan tenaga bagi merealisasikan pencapaian pada tahun hadapan di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai dan pelanggan.

106. MPSP juga akan terus mengamalkan budaya pengurusan kewangan yang teratur dan cekap

dengan menerapkan amalan perbelanjaan berhemah dan **“value for money”** bagi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti dan integriti di dalam pengurusan kewangan MPSP.

107. Bajet defisit menunjukkan MPSP mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk dilaksanakan demi kesejahteraan penduduk dan kemajuan Seberang Perai terutamanya bagi kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sampah, penyelenggaraan jalan, perparitan, lampu jalan, lampu isyarat dan pembaikan-pembaikan kemudahan awam. Defisit yang dicadangkan ini akan ditampung daripada Kumpulan Wang Majlis adalah mencukupi untuk membiayai defisit pada tahun 2018.

108. Berdasarkan kepada pembentangan di atas berserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai

bagi tahun 2018 yang telah dibentangkan ini, untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

109. Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini membuat pertimbangan dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2018 seperti berikut: -

	<u>RM</u>
Pendapatan	: 268,560,059
Perbelanjaan	: 293,468,850
<b>Defisit</b>	<b>: (24,908,791)</b>

110. Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, marilah kita bersama-sama merealisasikan ***“Aspiring City of Tomorrow”***  
**Aspirasi Bandar Masa Hadapan Seberang Perai.**

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD**

DSPN, DJN, BCN, PJK, FRISM

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Seberang Perai